

**DAP Tubuh Panel Untuk Selesaikan Pertelingkahan Karpal-ramasamy
Bernama
13 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- DAP menubuhkan satu panel tiga anggota bagi menyelesaikan pertelingkahan antara Pengerusi Kebangsaan DAP Karpal Singh dan Timbalan Ketua DAP Pulau Pinang Dr P. Ramasamy.

Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng berkata jawatankuasa eksekutif pusat parti yang bermesyuarat malam ini memutuskan untuk membentuk panel itu bagi menyelesaikan isu tersebut dan ia akan dianggotai beliau sendiri, penasihat seumur hidup DAP Dr Chen Man Hin dan pemimpin veteran Lim Kit Siang.

"Kami berharap dapat menyelesaikan isu ini secepat mungkin," katanya kepada pemberita dalam satu komen ringkas selepas mesyuarat itu.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut dan berkata satu kenyataan akan dikeluarkan tidak lama lagi.

Pertelingkahan Karpal-Ramasamy bermula selepas Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang itu dilaporkan berkata terdapat 'godfathers' dalam DAP selepas beliau menamakan tiga individu sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=634018>